

PERUNTUKAN KEISTIMEWAAN BUKAN MELAYU DAN BUKAN BUMIPUTERA DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA: SUATU SOROTAN

Rosfazila Abd Rahman

Universiti Islam Selangor (UIS)

Tel: +60123313020 Email: rosfazila@kuis.edu.my

Jessica Ong Hai Liaw

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Tel: +60123976778 Email: jessica@upnm.edu.my

Adlina Abdul Khalil

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Tel: +60173248156 Email: adlina@unishams.edu.my

Sharifah Shahirah Syed Sheikh

Universiti Poly-Tech MARA (UPTM)

Tel: +60196321987 Email: shsyahirah@kuptm.edu.my

Munira Abd Razak

Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Tel: +60123880277 Email: munira@ump.edu.my

[Djhoanna Mama](#)

Davao Oriental State University (DOrSU)

Email: djhoanna.mama@doscst.edu.ph

ABSTRAK

Artikel 153 Perlembagaan Malaysia memberi hak kepada Yang di-Pertuan Agong, bertanggungjawab menjaga hak-hak dan keistimewaan orang Melayu dan bumiputera Malaysia. Artikel ini secara sorotan memberitahu bagaimana kerajaan persekutuan mempertahankan kepentingan kumpulan-kumpulan ini dengan mendirikan kuota untuk kemasukan perkhidmatan awam, biasiswa dan pendidikan awam. Ia biasa dianggap sebagai sebahagian daripada kontrak sosial. Hal ini menunjukkan kedudukan orang Melayu dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan mempunyai kedudukan istimewa berbanding etnik lain di Malaysia. Perbincangan artikel ini adalah merupakan sorotan awal terhadap perkara keistimewaan bukan Melayu dan bukan bumiputera yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Metodologi kajian adalah kualitatif menggunakan teknik analisis kandungan dengan melihat kepada dokumen yang berkaitan dengan perlembagaan. Analisis akan menunjukkan bentuk dan aspek kedudukan istimewa orang bukan Melayu dan bukan bumiputera di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Kata Kunci: *Melayu; Perlembagaan Persekutuan; Perkara 153; etnik; keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera.*

1. Pengenalan

Perlembagaan Persekutuan Malaysia merupakan asas penting dalam undang-undang negara. Tanpa perlembagaan, sistem pemerintahan dan kawalan sukar dilaksanakan. Oleh hal yang demikian, setiap warganegara, sama ada pemerintah dan rakyat, perlu mendapat hak masing-masing dan pembelaan yang sewajarnya. Perlembagaan Persekutuan Malaysia atau nama lainnya Perlembagaan Malaysia merupakan satu dokumen yang mengandungi semua susunan peraturan yang dianggap penting bagi pemerintahan dan pentadbiran negara Malaysia. Selain itu, Perlembagaan Malaysia dianggap sebagai

undang-undang tertinggi serta merupakan sumber kepada semua undang-undang yang digubal di Malaysia. Perlembagaan Malaysia telah diperkenalkan semasa kelangsungan Hari Malaysia pada 16 September 1963. Perlembagaan ini mengandungi 183 Perkara dan telah dibahagikan kepada 15 bahagian berdasarkan daripada dua dokumen terdahulu sebagai panduan iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan pada tahun 1957. Tujuan perlembagaan ini diperkenalkan adalah untuk memberi jaminan hak asasi dan kebebasan rakyat serta keadilan sosial bagi semua kaum di Malaysia.

Malaysia pada hari ini didiami oleh pelbagai bangsa, kaum dan etnik. Kepelbagaian ini mewujudkan pula kepelbagaian budaya, bahasa, agama dan adat resam. Corak masyarakat Malaysia seperti ini berlaku disebabkan perubahan masa dan keadaan, seperti yang berlaku terhadap perubahan struktur politiknya. Sebelum abad ke-18 dan ke-19, masyarakat Malaysia tidak begini coraknya. Sebaliknya, boleh dikatakan bahawa Semenanjung Tanah Melayu ketika itu didiami oleh orang Melayu dan Orang Asli bersama sebilangan kecil bangsa atau kaum lain. Tetapi kini coraknya telah berubah dan wujudlah pembentukan masyarakat majmuk. Setelah aktiviti migrasi berlaku, akhirnya lahir kelompok dari keturunan Cina dan India yang berasimilasi dengan budaya tempatan seperti kelompok Baba-Nyonya yang berketurunan Cina dan kelompok Chitty yang berketurunan India. Oleh itu, wujud masyarakat berbilang kaum, ras, etnik dan bangsa di Malaysia. Kehadiran kelompok-kelompok ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang kaya dengan budaya, adat resam, bahasa dan latar belakang kebudayaan yang berlainan.

Secara umumnya, kandungan Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia. Justeru, beberapa elemen menjadi persoalan seperti bagaimana pemahaman, persepsi, adakah mereka merasakan bahawa perlembagaan Malaysia relevan dan berguna bagi masyarakat majmuk Malaysia serta cabaran dalam masyarakat majmuk Malaysia. Oleh itu, tujuan kertas kerja ini adalah untuk melihat aspek cabaran baharu perlembagaan Malaysia; peruntukan keistimewaan bukan Melayu dan bukan Bumiputera dalam kalangan masyarakat Malaysia.

2. Metodologi

Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Kajian kualitatif ini menggunakan teknik analisis dokumen. Pada amnya, analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperolehi dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2009: 97; Babbie, 2010: 332). Hal ini sebagaimana yang ditakrifkan seperti berikut:

Document analysis is just what its name implies – the analysis of the written or visual contents of a document. Textbooks, essays, newspapers, novels, magazine articles, cookbooks, political speeches, advertisements, pictures – in fact, the content of virtually any type of written or visual communication can be analyzed in various ways. A person's or group's conscious beliefs, attitudes, values, and ideas are often revealed in the document they produce. (Fraenkel dan Wallen, 1993: 389)

Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu. Contoh dokumen yang boleh digunakan bagi kajian ini ialah dokumen-dokumen yang berkaitan dengan perlembagaan:

Semua dokumen yang dirasakan perlu, perlu diteliti dan dilaporkan dalam satu laporan serta disertakan salinan jika tidak sukar untuk disalin.

3. Kajian Literatur

Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Perlembagaan Persekutuan merupakan satu set undang-undang tertinggi bagi negara Malaysia. Ia telah mula digunapakai sejak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957. Perlembagaan Malaysia mengandungi 183 perkara. Mana-mana undang-undang negeri yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan secara automatik akan terbatal. 1 Perlembagaan digubal di Parlimen dengan tiga kali pendengaran (perdebatan). Sesuatu perlembagaan atau akta akan dikira digazetkan apabila ia mendapat sokongan 2/3 dari ahli dewan rakyat. Perlembagaan sebagai Rukun Masyarakat Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi yang wujud dalam sesebuah negara. Bagi negara Malaysia perlembagaan telah mengikat masyarakat untuk merujuk pada satu undang yang sama untuk sesuatu masalah supaya tidak bercanggah antara satu sama lain (Noraini Zulkifli, 2011).

Perlembagaan yang telah diwartakan di Malaysia bukanlah bertujuan untuk mengikat dan mengongkong rakyat dari mendapatkan hak kemanusiaan masing-masing. Namun lebih dari itu, ia dilaksanakan bagi membentuk kerjasama dan mencapai keharmonian sesama ahli masyarakat. Bayangkan sebuah negara yang tidak mempunyai undang-undang atau undang-undang yang sedia ada tidak dipatuhi, pergolakan sering berlaku sehingga berlakunya rusuhan dan pembunuhan sesama sendiri. Sebagai ahli masyarakat yang telah dilahirkan dalam keadaan yang sedia aman, adalah menjadi satu tanggungjawab sosial untuk kita bersama mengekalkan keamanan ini. Ini kerana apa yang dinikmati pada hari ini adalah hasil pengorbanan para perajurit pada masa lepas (Noraini Zulkifli, 2011).

Perlembagaan Sebagai Rukun Masyarakat

Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi yang wujud dalam sesebuah negara. Bagi negara Malaysia perlembagaan telah mengikat masyarakat untuk merujuk pada satu undang yang sama untuk sesuatu masalah supaya tidak bercanggah antara satu sama lain. Perlembagaan penting kerana ia dapat menjamin kestabilan politik dan sistem pentadbiran negara. Melalui perlembagaan, corak pemerintahan, pembahagian kuasa antara pelbagai badan kerajaan serta prinsip-prinsip umum cara kuasa dilaksanakan. Selain itu, perlembagaan dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat di mana hak asasi rakyat seperti kebebasan bersuara dapat digunakan. Walaupun kebebasan bersuara dibolehkan namun ia masih dibawah peruntukan Akta Hasutan dan Keselamatan Dalam Negeri. Ini membawa maksud walaupun setiap rakyat dibenarkan untuk meluahkan pendapat dan pandangan masing-masing namun ia masih di bawah undang-undang di mana sekiranya berlaku unsur hasutan yang boleh menghurui-harakan keharmonian masyarakat, seseorang masih boleh didakwa. (Noraini Zulkifli, 2011).

Perlembagaan Yang Dicabar

Perlembagaan digubal bagi melindungi kepentingan semua kaum dengan jaminan keadilan sosial antara kaum. Perkara 149 berkenaan perundangan menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam. Di bawah perkara ini, disebut bahawa mana-mana perbuatan atau perkataan yang diutarakan, yang mana boleh menimbulkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum yang berlainan atau golongan penduduk yang berlainan yang mungkin menyebabkan keganasan maka apa-apa peruntukan undang-undang itu yang bermaksud untuk memberhentikan atau mencegah tindakan itu adalah sah walaupun peruntukan itu tidak selaras dengan mana-mana peruntukan Perkara 5. (Noraini Zulkifli, 2011).

Walaupun Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi negara Malaysia, namun adakalanya ia juga dicabar. Perkara ini berlaku kerana masyarakat pada masa kini yang lebih celik

teknologi dan berpendidikan tinggi cuba untuk mendapatkan hak yang lebih melebihi hak- hak yang telah termaktub dalam kontrak sosial pada masa dahulu. Dalam konteks negara Malaysia, kontrak Sosial merujuk kepada persetujuan yang dicapai sebelum merdeka dalam kalangan para pemimpin Melayu, Cina dan India dan parti-parti yang mereka wakili, UMNO, MCA dan MIC (JABATAN PENERANGAN 2017). Bagaimanapun, kontrak sosial harus dianggap sebagai satu persetujuan di kalangan masyarakat berbilang kaum, bukan hanya pemimpin atau kumpulan elit tertentu (Noraini Zulkifli, 2011). Selain itu, isu agama, bahasa dan keistimewaan orang Melayudan Bumiputera juga sering menjadi perdebatan dalam kalangan masyarakat pada masa kini (Noraini Zulkifli, 2011).

Peruntukan Perlembagaan Malaysia : Keistimewaan Orang Melayu dan Bumiputera

Tujuan perlembagaan diwujudkan ialah menentukan cara sesebuah negara diperintah, menetapkan hak-hak individu, warganegara dan batasannya serta menjamin kebebasan. Perlu juga diingat bahawa perlembagaan negara ini adalah terperinci kepada 183 perkara di mana ia terbahagi kepada 15 bahagian, 183 perkara dan 12 jadual. Bahagian yang telah diperuntukkan di dalam perlembagaan adalah seperti berikut:

Bahagian	Butir-butir	Perkara
1	Negeri-negeri, Agama dan Undang-undang Persekutuan	Perkara 1- 4
2	Kebebasan Asasi	Perkara 5-13
3	Kewarganegaraan	Perkara 14-31
4	Persekutuan	Perkara 32-69
5	Negeri-negeri	Perkara 70-72
6	Perhubungan antara Persekutuan dengan Negeri-negeri	Perkara 73-95E
7	Peruntukan-peruntukan Kewangan	Perkara 96-112D
8	Pilihan raya	Perkara 113- 120
9	Kehakiman	Perkara 121-131A
10	Perkhidmatan Awam	Perkara 132-148
11	Kuasa-kuasa Khas Menentang Perbuatan Subversif dan Kuasa-kuasa Darurat	Perkara 149-151
12	Am dan Pelbagai	Perkara 152-160
12A	Perlindungan Tambahan bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak	Perkara 161-161H
13	Peruntukan Sementara dan Peralihan	Perkara 162-180
14	Perkecualian bagi kedaulatan Raja-raja dan sebagainya	Perkara 181
15	Prosiding terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja	Perkara 182-183

(Perlembagaan Malaysia-Kementerian Penerangan)

Sebahagian besar daripada rakyat negara ini beranggapan bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah sebuah dokumen undang-undang yang bersifat teknikal dan hanya difahami oleh mereka yang terdidik di dalam bidang perundangan. Meskipun ini adalah sesuatu yang kurang tepat dan tidak sepatutnya berlaku adalah sukar untuk mengharapakan masyarakat memahami isi kandungannya, apatah lagi mengetahui asas-asas penting Perlembagaan Persekutuan. Setakat ini Perlembagaan hanya dilihat sebagai sebuah dokumen perundangan yang hanya berkaitan untuk menjadi bahan pertikaian di mahkamah. Pada asasnya perlembagaan merujuk kepada doktrin dan prinsip yang membentuk asas pemerintahan dan pengendalian sesebuah negara. Sementara itu mereka yang terdidik di dalam bidang undang-undang sendiri kebanyakannya masih melihat dan memahami perlembagaan melalui pendekatan yang terlalu legalisti. Mereka tidak melihat sebagai sebuah dokumen yang merakamkan perkembangan dan perubahan sistem bernegara sejak zaman berzaman. Perbincangan ini cuba melihat bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah sebuah dokumen yang tidak terpisah dari sejarah, perkembangan dan tradisi negara. Ia juga cuba menghujah

bahawa meskipun bentuk perlembagaan kelihatan asing, intisari pentingnya sebenarnya berasal dari negara ini sendiri (Noraini Zulkifli, 2011).

Orang Melayu boleh didefinisikan mengikut perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan telah mendefinisikan Melayu sebagai seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap Melayu, mengamalkan adat Melayu, bertutur menggunakan bahasa Melayu dan lahir sebelum hari merdeka sama ada di Tanah Melayu atau Singapura, atau pada hari merdeka telah bermastautin di Tanah Melayu atau Singapura (Noraini Zulkifli, 2011).

Hak istimewa Orang Melayu adalah hak yang telah dipersetujui oleh para pemimpin terdahulu yang telah diberikan kepada orang Melayu sebagai cagaran atau gantian kepada kesediaan rakyat Melayu di tanah Melayu untuk menerima etnik India dan Cina bagi berkongsi kehidupan di tanah Melayu secara bersama. Ia dibuat di dalam perlembagaan persekutuan tanah Melayu 1948, sewaktu rundingan kemerdekaan ingin dilaksanakan. Hak ini dipinda bagi melindungi orang Melayu kerana pada waktu itu orang Melayu tidak mahu menerima kehadiran kaum India dan Cina sebagai rakyat di tanah Melayu. Keadaan ini akan menyukarkan proses kemerdekaan pada masa itu kerana masing-masing ingin menegakkan hak kaum sendiri (Noraini Zulkifli, 2011).

Artikel 153 Perizaban Kuota Berkenaan Dengan Perkhidmatan, Permit, Dsb. Bagi Orang Melayu Dan Anak Negeri Mana-Mana Antara Negeri Sabah Dan Sarawak.

Artikel 153 Perlembagaan Malaysia memberikan tanggungjawab kepada Yang di-Pertuan Agong menjaga kedudukan keistimewaan orang Melayu dan penduduk asal Malaysia di mana secara kumpulannya dirujuk sebagai Bumiputera. Artikel ini menyatakan tentang kuota kemasukan ke dalam perkhidmatan awam, biasiswa dan pendidikan awam. Ia juga biasanya dianggap sebagai sebahagian daripada kontrak sosial, dan biasanya dikatakan sebagai pertahanan secara sah bagi ketuanan Melayu di mana menguatkan lagi kepercayaan *orang Melayu bahawa mereka adalah penduduk asal Malaysia* (Noraini Zulkifli, 2011).

Mengikut perlembagaan, adalah menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini. **Rasional** menjadikan Yang di-Pertuan Agong sebagai pelindung kerana ia adalah *meneruskan sistem feodal pada zaman dahulu di mana sultan diberikan hak istimewa yang dianggap sangat berpengaruh, daulat dan pelindung kepada rakyat*. Kepercayaan inilah yang menjadikan sultan masih menjadi tonggak penting di dalam hal pemerintahan negara. Bahkan orang Melayu masih menganggap bahawa raja dan sultan masih mempunyai keramat serta kesaktian kerana berdarah raja yang mana sangat berbeza darjatnya dari rakyat biasa.

Yang di-Pertuan Agong boleh, bagi memastikan, mengikut Fasal (2): Tanah untuk Orang Melayu dan Hak untuk orang Melayu mendapat tanah dengan kebenaran oleh Kerajaan Negeri (kerana pembukaan tanah adalah dibawah kawal-selia Kerajaan Negeri). Kerajaan Negeri boleh membuka tanah khas untuk Melayu dengan syarat Kerajaan Negeri juga memperuntukan pembukaan tanah bagi orang ramai yang serupa, luas tanah untuk orang Melayu tidak boleh melebihi luas tanah orang ramai. Tanah milik orang bukan Melayu tidak boleh diambil untuk tujuan orang Melayu. **Rasional** fasal diatas dilakukan adalah untuk *melindungi orang Melayu* tetapi kuasa itu tidaklah bererti Yang di-Pertuan Agong harus bersikap berat sebelah atau melucutkan segala perkara yang telah dinikmati oleh seseorang warganegara itu sendiri. Lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan penjawat awam di mana mereka tertakluk kepada perundangan penjawat awam perkara 136. **Rasional** yang dapat dilihat dari perkara ini adalah ia dapat melindungi orang Melayu secara keseluruhannya di mana adakalanya anak Melayu yang dapat sambung pelajaran ke peringkat yang lebih baik tetapi kerana sebab kemiskinan atau kemunduran menyebabkan mereka terlepas peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Noraini Zulkifli, 2011).

Artikel 11 Islam Sebagai Agama Rasmi

Artikel 11 menyatakan bahawa Agama Islam adalah agama persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan. Kebebasan beragama ini dijamin dalam perlembagaan terhadap semua agama iaitu setiap orang mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan agamanya dan setiap agama mempunyai hak untuk menguruskan hal-hal agamanya sendiri, Menubuh dan menyelenggara institusi bagi maksud agama atau khairat, Memperoleh dan memiliki harta benda serta memegang dan mentadbirnya mengikut undang-undang. Oleh sebab Islam diterima sebagai agama bagi persekutuan, pihak kerajaan sama ada kerajaan persekutuan atau negeri mempunyai kebebasan, kuasa dan keistimewaan untuk menubuhkan atau menyelenggara atau membantu penubuhan institusi Islam dan melaksanakan ajaran dalam agama Islam serta mengeluarkan perbelanjaan yg diperlukan untuk tujuan itu.

Rasional perkara ini menunjukkan bahawa Islam telah diterima sebagai agama persekutuan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka sehinggalah zaman penjajahan British. Di negeri-negeri Melayu, sebelum penjajahan, penggunaan undang-undang Islam telah dilaksanakan dan diktiraf oleh penjajah British. Undang-undang mengikut ajaran Islam juga dilakukan seperti sula bagi mereka yang berzina. Malah penduduk tanah Melayu pada waktu itu juga merupakan majoriti serta orang Melayu masih mahu mengekalkan agama sebagai perkara teratas dan penting di dalam perlembagaan (Noraini Zulkifli, 2011).

Perkara 89 Tanah Simpanan Melayu

Rasional terhadap perkara diatas adalah untuk melindungi orang Melayu terutama mereka yang miskin tetapi telah lama menetap di sesuatu kawasan daripada tanah mereka diambil oleh orang lain. Selain itu ia sebagai ganjaran kepada mereka yang pernah suatu ketika dahulu berjuang untuk mempertahankan tanah air dari penjajahan dan sebagainya. Majoriti dua pertiga yang harus di dapatkan di dalam sidang DUN adalah bagi memberikan ruang kepada kerajaan sesebuah negeri itu berfikir secara tepat dan rasional sebelum membuat keputusan. Malah tanah ini juga sebagai warisan dan pegangan yang masih ada apabila berlaku sesuatu di masa depan seperti orang asing tidak boleh memiliki tanah yang telah dirizabkan kepada orang Melayu (Noraini Zulkifli, 2011).

Perkara 152 Bahasa Kebangsaan

Rasional bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan adalah kerana Kedudukan dan peranan bahasa Melayu sebagai *Lingua franca* di alam Melayu/Nusantara sejak berabad-abad lamanya. Persefahaman menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa juga tidak perlu merisaukan kaum lain kerana penggunaan bahasa ibunda masing-masing tidak disekat malah dijamin oleh perlembagaan. Sebelum Perang Dunia Kedua lagi, Bahasa Melayu telah digunakan secara meluas bagi tujuan rasmi seperti mesyuarat, surat-menyurat, perundangan dan kehakiman di negeri-negeri Melayu tidak bersekutu, jabatan Polis dan sebagainya bagi memudahkan pentadbiran yg terdiri daripada pelbagai kaum. Bahasa Melayu juga telah diterima sebagai bahasa rasmi walaupun pada zaman pentadbiran British di mana Pegawai Eropah yg memegang lebih 90 peratus jawatan kumpulan 1 perlu mempelajari Bahasa Melayu, mengambil ujian Bahasa Melayu dan dikehendaki lulus, barulah boleh berkhidmat di Tanah Melayu. Selain itu bahasa Cina dan India agak susah untuk dipelajari berbanding bahasa Melayu yang lebih senang untuk disebut dan dipelajari. Malah ia dipilih sebagai bahasa kebangsaan kerana tanda hormat kepada ketuanan Melayu yang empunya empayar.

Peruntukan Keistimewaan Bukan Melayu dan Bukan Bumiputera dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Hak keistimewaan orang Melayu sepatutnya tidak harus dipersoalkan dan dipergaduhkan di parlimen dan sebagainya kerana ia adalah satu perkara yang telah dipersetujui sejak lama dulu kerana ia juga kita sebagai rakyat Malaysia pada hari ini dapat hidup dengan aman dan makmur dalam masyarakat berbilang kaum.

"Bila British sampai ke Tanah Melayu, mereka dapati terdapat beberapa tempat di Semenanjung sudah mempunyai kerajaan dan mereka mengiktiraf kerajaan tersebut. Kerajaan itu ada ramai rakyat (orang Melayu) dan bagi British, rakyat kepada raja itu mempunyai hak yang khusus, orang lain yang datang dan menetap di Tanah Melayu bukannya rakyat raja, oleh demikian mereka tidak dapat menikmati hak yang ada pada orang Melayu,"

(Bernama: 7 September 2010)

"semua kaum di Malaysia perlu menghormati perkara yang termaktub dalam Perlembagaan kerana jika ia tidak dipelihara maka akan berlaku perpecahan dan ketidakstabilan di negara ini. ketika Tanah Melayu menuntut kemerdekaan lagi sudah wujud suasana tidak puas hati mengenai Perlembagaan tetapi ia hanyalah daripada golongan minoriti. kaum lain tidak patut mempersoalkan mengenai kuota yang dinikmati oleh orang Melayu dan Bumiputera kerana dengan adanya kuota tersebut orang Melayu akan boleh bersaing dengan kaum lain yang lebih maju"

(Bernama 7 september 2010)

"Itulah sebenarnya hakikatnya. Peruntukan-peruntukan mengenai kepentingan orang Melayu dan bumiputera, yang melibatkan soal keistimewaan orang Melayu sudah pun terpatuhi kemas, telah terkunci, tersimpul mati dalam Perlembagaan negara kita. Ia tak boleh dipinda melainkan dengan persetujuan raja-raja Melayu dan saya tak nampak raja-raja Melayu akan pinda peruntukan Perlembagaan ini".

(Bernama 7 september 2010)

"Itulah sebenarnya hakikatnya. Peruntukan-peruntukan mengenai kepentingan orang Melayu dan bumiputera, yang melibatkan soal keistimewaan orang Melayu sudah pun terpatuhi kemas, telah terkunci, tersimpul mati dalam Perlembagaan negara kita. Ia tak boleh dipinda melainkan dengan persetujuan raja-raja Melayu dan saya tak nampak raja-raja Melayu akan pinda peruntukan Perlembagaan ini".

(Bernama 7 september 2010)

"Kita juga harus dengan serius memberikan kefahaman kepada setiap warganegara akan rukun teras kewujudan negara ini. Pemahaman silang budaya dan agama perlu terus diperkukuhkan dengan lebih berkesan. Bangsa Melayu hanya akan terus wujud jika kita dapat memastikan orang Melayu tidak terus terpinggir dalam negara ini".

(Utusan Malaysia 6 oktober 2010)

Hak keistimewaan Melayu adalah hak yang telah diberikan kepada orang Melayu sebagai tanda apabila orang Melayu sudi untuk berkongsi tanah Melayu (Malaysia) dengan orang India dan Cina yang datang ke sini pada zaman dahulu. Ia juga merangkumi hak rakyat peribumi dan etnik di Sabah dan Sarawak (Bumiputera). Hak ini tidak sepatutnya diungkit walaupun Malaysia mengalami permodenan akibat globalisasi. Kerana mengungkit hak pertuanan Melayu ini secara tidak langsung akan menyebabkan berlakunya perselisihan di mana orang Melayu akan merasakan hak mereka sedang diusik. Dalam hal yang membincangkan tentang tentang hal keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera, sejarah telah sebenarnya membuktikan bahawa tiada keadaan yang hak istimewa orang bukan Melayu dan bukan Bumiputera dinafikan atau diabaikan! Tidak pernah juga berlaku situasi penindasan dan ketidakadilan. Hasil pengkajian para pakar sejarah telah mendapati bahawa tindakan mana-mana kaum yang mempersoal atau mempertikaikan Perkara 153 dalam Perlembagaan negara yang mengiktiraf kedudukan dan hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera adalah samada buta sejarah, jahil sejarah, selesa sejarah, terlajak sejarah, terlebih selesa dan tidak memahami Perlembagaan.

Justeru, lebih banyak perkara yang lebih penting patut kita kisahkan seperti isu perpaduan dan kesepaduan yang telah menghakis budaya pemajmukan bangsa Malaysia, di mana ia dilihat sebagai satu bentuk cabaran baru dalam usaha melestarikan tamadun bangsa Malaysia. Perkara begini lebih patut kita risaukan kerana ia mampu untuk menggugat kemajuan, kestabilan dan keharmonian negara Malaysia jika ia tidak dibendung dan diberi perhatian khusus.

4. Kesimpulan

Malaysia ialah sebuah negara yang didiami oleh masyarakat majmuk iaitu terdiri daripada pelbagai kaum atau bangsa. Seperti yang kita semua maklum, terdapat tiga bangsa majoriti di Malaysia yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India. Manakala dalam kepelbagaian bangsa ini pula terdapat lagi kaum-kaum lain seperti Iban, Melanau, Kadazan dan sebagainya. Masyarakat majmuk di Malaysia ini disatukan atau disepadukan dengan suatu perlembagaan yang adil, lagi bijaksana yang dinamakan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Membina sebuah negara yang aman serta masyarakat yang bersatu padu bukanlah satu usaha yang mudah kerana ia memerlukan kerjasama dari semua etnik di Malaysia. Membentuk persefahaman memerlukan agen penggerak yang berdedikasi untuk terus-terusan membawa aura positif untuk merapatkan anggota masyarakat. Masyarakat seharusnya mengenang kembali sejarah untuk mendapatkan kemerdekaan supaya mereka lebih menghargai erti keamanan yang dinikmati pada hari ini. Prinsip Rukun negara harus diamalkan kerana ia merupakan asas kerukunan hidup bermasyarakat, permuafakatan dan perpaduan yang melambangkan wujudnya “kesatuan hati”.

Prinsip Rukun negara dilaksanakan ekoran rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969. Ia menyedarkan masyarakat akan pentingnya bersatu padu dan hidup dengan aman damai di dalam sesebuah negara. Mengamalkan Rukun negara akan melahirkan masyarakat yang bersatu padu, bermuhibah tanpa mengira kaum serta bersikap saling hormat menghormati di antara satu sama lain. Melalui perpaduan akan dapat membantu negara kita mempertingkatkan dan mempergiatkan lagi pertumbuhan ekonomi, mengekalkan kestabilan politik dan sistem pemerintahan negara yang bersifat liberal dan demokratik.

Permuafakatan dengan menerima dan saling bertolak ansur sesama etnik sangat penting kerana ia akan mewujudkan keadaan di mana setiap anggota masyarakat faham akan tanggungjawab untuk mengekalkan keadaan yang tenang. Media Massa memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu memformulasikan masyarakat majmuk di Malaysia menjadi masyarakat yang bersatu padu dan bekerjasama. Ini kerana pengaruh media terhadap minda golongan muda sangat

cepat dan adakalanya mereka tidak dapat membezakan beberapa hal/ isu yang sahih. Oleh itu pihak media perlu memainkan peranan yang betul sebagai agen penghubung dalam dunia tanpa sempadan ini.

Identiti nasional perlu diperkasakan sejak kecil dan ianya mempunyai kaitan dengan rasa bangga dan rasa cinta terhadap bahasa kebangsaan dan negara ini. Kita berdepan dengan cabaran pemeraksanaan identiti nasional dalam era baharu Malaysia dalam abad ke-21 ini termasuklah era globalisasi, era sains dan teknologi, meningkatkan perpaduan serta kepentingan bahasa Inggeris. (Prof. Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim, 2019)

5. Rujukan

- A. Harding (1996). *Law, Government and the Constitution of Malaysia*, Kuala Lumpur : Malayan Law Journal
- Abdullah Ayob (1978): *Cara pemerintahan Tanah Melayu(1957-1963)*. Kuala Lumpur: DBP
- Abdullah SanusiAhmad (1980):*KerajaanpentadhiranMalaysia*. Kuala Lumpur: DBP
- Ahmad Atory Hussain (1987): *"Kepimpinan masa depan". Berakhirkah dilema Melayu?* Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.
- Ambrin Buang (1990): *Dasar-dasar utama kerajaan Malaysia*. Kuala Lumpur: INTAN
- Bari, A.A. (2016). *Perlembagaan Malaysia : Suatu Pengenalan*. Selangor : Ilham Books.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Ibrahim, A. (1999). *Perkembangan Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan*.Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Suffian (1988), *An Introduction to the Legal System of Malaysia*, Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti
- Mohd Salleh Abas & Salleh Buang (2007), *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka
- Nurhafilah Musa (2008). *Federalism, Constitutionalism and Democratic Society in Multicultural Societies – a case study of Malaysia*. IFF Summer University
- Hak keistimewaan orang Melayudan bumiputera terjejas.*
Dicapai dari http://bernama.com/hak-keistimewaan-orang-melayu-bumiputera_pada_4_disember_2010

Perlembagaan *Malaysia* Dicapai dari
www.malaysia.gov.my/BM/Main/MsianGov/GovConstitution/HistoryConstitution/Pages/
pada 4 disember 2010

MyGovernment. 2017. Maklumat Malaysia: Bahasa Rasmi.
<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30118>. Dicapai 18 Ogos 2020.

Noraini Zulkifli. 2011. *Perlembagaan Persekutuan*. pdf. Available from:
https://www.researchgate.net/publication/326987913_Perlembagaan_Persekutuan pdf
[accessed Apr 13 2023].

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2018, 13 Mei). 'Bangsa' Malaysia bersatu di bawah
Perlembagaan. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/05/424944/bangsa-malaysia- bersatu-di-bawah-perlembagaan>. Dicapai 21 Ogos 2020.

Perlembagaan Malaysia
www.pmr.penerangan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=293:perlembagaan-malaysia pada 4 Disember 2010

Perlembagaan Malaysia
www.treasury.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&catid=89:catperlembagaan-a-akta pada 4 Disember 2010

Perlembagaan Malaysia
www.digitalibrary.my/dmdocuments/malaysiakini/338_Perlembagaan_Persekutuan.pdf
pada 4 disember 2010